

Program bahasa Inggeris percuma

» Khidmat masyarakat ICC bantu tingkat penguasaan, kemahiran pelajar

Gombak

Kolej Islam Antarabangsa (IIC) memperkenalkan program khidmat masyarakat dalam memperkasa dan pemantapan bahasa Inggeris (BI) secara percuma membabitkan sekolah di negara ini.

Dekan Pusat Bahasa IIC, Rosmelia Taib berkata, program pemantapan BI secara percuma itu tidak dibuka kepada pelajar individu tetapi lebih kepada kumpulan pelajar sesebuah sekolah.

"Pihak kami mengalu-alukan dan membuka penyertaan mana-mana sekolah yang berminat untuk mengikuti program murni ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan program khidmat masyarakat BI secara percuma membabitkan 35 pelajar Tingkatan Tiga Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Gombak di sini, baru-baru ini.

Bagi program sulung di SBPI Gombak itu, IIC menyediakan dua pensyarah iaitu Syarifah Athirah Auni Sayd Mohammad Zamri dan Dalila Nazahah Mohamad Fauzi.



Sebahagian daripada pelajar SBPI Gombak bersama-sama pensyarah IIC dalam program khidmat masyarakat BI percuma di Gombak, baru-baru ini.

"Pihak kami mengalu-alukan dan membuka penyertaan mana-mana sekolah yang berminat untuk mengikuti program murni ini"

Rosmelia Taib,
Dekan Pusat Bahasa IIC



Beliau berkata, program murni itu akan dibuat secara berterusan dalam memperkasa penggunaan BI dalam kalangan pelajar.

Perbaiki penguasaan

"Pelajar yang agak lemah BI, boleh mengambil peluang terbaik ini untuk memperbaiki penguasaan bahasa itu menjelang peperiksaan PT3 dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun depan.

"IIC mempunyai pensyarah berpengalaman dan berkariesma dengan modul pembelajaran bahasa untuk pelajar sekolah rendah dan menengah.

"Kita hanya memberi fokus kepada pelajar sekolah menengah untuk program murni ini," katanya.

Beliau berkata, melalui pensyarah berpengalaman itu, pihaknya percaya pelajar berupaya menggunakan BI ketika berinteraksi dengan orang lain tanpa berasa malu, malah lebih menyeronokkan.

Katanya, untuk peringkat awal program itu, IIC akan memberi peluang kepada sekolah di sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor.



Suasana pembelajaran yang lebih kondusif antara pensyarah dengan pelajar SBPI.

